

AVEZOL CAPSULE 150MG

Fluconazole (150mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Avezol
2. Bagaimana Avezol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Avezol
4. Cara menggunakan Avezol
5. Semasa menggunakan Avezol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Avezol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor Siri

Apakah kegunaan Avezol

AVEZOL adalah salah satu daripada kumpulan ubat yang dipanggil "antifungus". Bahan aktif ialah fluconazole.

AVEZOL digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh kulat termasuk yis. Punca jangkitan kulat yang paling biasa ialah sejenis yis yang dipanggil Candida.

Anda mungkin diberi ubat ini oleh doktor untuk merawat serianya kemaluan, jangkitan faraj atau zakar.

Bagaimana Avezol berfungsi

Ia berfungsi dengan menghalang pertumbuhan organisma kulat atau yis yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Avezol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil AVEZOL jika anda

- pernah mempunyai reaksi alahan terhadap:
- mana-mana bahan dalam AVEZOL
- ubat-ubatan lain yang anda pernah ambil untuk merawat jangkitan kulat Gejala-gejala boleh termasuk gatal, kemerahan kulit atau sukar bernafas.
- sedang mengambil Terfenadine (sejenis antihistamin untuk alahan) atau Cisapride (digunakan untuk gangguan perut)

- sedang mengambil cisapride (digunakan untuk gangguan perut)

- Sebelum mula menggunakan Avezol

Beritahu doktor anda jika anda:

- berumur kurang daripada 16 tahun
- mempunyai masalah hati atau ginjal
- mengalami penyakit jantung, termasuk masalah degupan jantung
- mempunyai tahap kalium, kalsium atau magnesium yang abnormal dalam darah

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai keadaan berikut:

- Hamil atau merancang untuk menjadi hamil

Avezol boleh merosakkan bayi anda yang belum lahir. Anda tidak boleh mengambil Avezol semasa mengandung kecuali doktor anda memberitahu anda. Beritahu doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil.

Jika anda seorang wanita yang berpotensi mengandung anak, elakkan diri daripada mengandung semasa rawatan. Gunakan kontraseptif yang berkesan semasa rawatan dan selama 1 minggu selepas rawatan.

- Penyusuan susu ibu

Avezol diekskresikan dalam susu ibu manusia, oleh itu penggunaannya di ibu-ibu menyusu tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, penyusuan susu akan dikekalkan jika anda mengambil satu dos Avezol 150mg. Penyusuan susu ibu tidak disyorkan selepas dos tinggi (lebih daripada 150 mg) atau penggunaan berulang Avezol.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan pada doktor anda dengan segera jika anda sedang mengambil Terfenadine (sejenis antihistamin untuk alahan) atau Cisapride (digunakan untuk gangguan perut)

kerana ia tidak boleh digunakan bersama AVEZOL.

Terdapat beberapa jenis ubat yang boleh berinteraksi dengan AVEZOL. Pastikan doktor anda tahu jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan yang berikut:

- warfarin (atau ubat yang sama jenis) yang menyebabkan darah cair untuk mengelakkan pembekuan darah
- ubat-ubatan untuk diabetes seperti chlorpropamide, glibenclamide, glipizide atau tolbutamide
- tablet air, seperti hydrochlorothiazide, yang digunakan untuk merawat retensi cecair dan tekanan darah tinggi
- midazolam yang digunakan untuk membantu anda tidur atau untuk kemurungan
- phenytoin (digunakan untuk mengawal sawan)
- rifampicin atau rifabutin (antibiotik untuk jangkitan)
- ciclosporin atau tacrolimus (untuk mengelakkan penolakan pemindahan)
- theophylline (digunakan untuk mengawal asma)
- astemizole (antihistamin untuk merawat alahan)
- zidovudine, juga dikenali sebagai AZT (digunakan untuk pesakit jangkitan HIV)

Maklumkan kepada doktor atau farmasi anda jika anda sedang menggunakan ubat lain atau telah menggunakan ubat yang lain baru-baru ini, termasuk ubat yang anda boleh beli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Avezol

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa menggunakan AVEZOL seperti apa yang diberitahu oleh doktor anda. Jika ada sebarang keraguan, tanya pada doktor atau farmasi anda.

Telan kapsul dengan segelas air.

AVEZOL CAPSULE 150MG

Fluconazole (150mg)

Anda boleh mengambil ubat ini pada bila bila masa sebelum atau selepas makan.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Rawatan keseluruhan untuk jangkitan seriawan faraj atau zakar (candidal balanitis) adalah satu kapsul yang diambil melalui mulut.

Jangkitan faraj

Keadaan anda harus beransur pulih dalam tempoh masa beberapa hari – sesetengah wanita merasa keadaan beransur pulih dalam satu hari.

Jika keadaan anda tidak beransur pulih dalam tempoh beberapa hari, anda harus kembali pada doktor anda.

Jangkitan zakar

Keadaan anda harus beransur pulih dalam tempoh masa beberapa hari tetapi mungkin mengambil masa sehingga seminggu.

Jika keadaan anda tidak beransur pulih selepas satu minggu, anda harus kembali pada doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan AVEZOL yang berlebihan boleh membuat anda kurang sihat. Hubungi doktor anda atau jabatan kecemasan di hospital yang terdekat dengan segera.

Semasa menggunakan Avezol

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Avezol.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda tidak harus mengambil AVEZOL semasa anda sedang mengandung atau jika anda sedang menyusui bayi.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan AVEZOL tidak akan mempengaruhi keupayaan pesakit untuk memandu atau menggunakan mesin.

Ubat ini mengandungi sejumlah kecil laktosa (gula), jika anda telah diberitahu oleh doktor bahawa anda mempunyai toleransi terhadap beberapa jenis gula, sila hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, AVEZOL boleh memberikan kesan sampingan, walaubagaimanapun bukan semua orang akan mengalaminya.

Beberapa orang mengalami **reaksi alahan** walaupun reaksi alahan yang serius jarang berlaku. Jika anda mengalami mana mana gejala berikut, **maklumkan pada doktor anda dengan segera.**

- berdehit secara tiba-tiba, kesukaran bernafas atau sesak di dada
- Bengkak pada kelopak mata, muka atau bibir
- Kegatalan pada seluruh badan dengan kemerahan kulit atau bintik bintik merah yang gatal

• Ruam kulit

- Alahan kulit yang serius seperti ruam yang menyebabkan melepuh (ini boleh menjelaskan mulut dan lidah).
- Jika anda seorang pesakit Aids, anda lebih cendurung untuk mendapat reaksi kulit yang teruk terhadap ubat termasuk AVEZOL.

Kesan sampingan yang sangat biasa yang boleh menjelaskan lebih daripada 1 orang dalam setiap 10 orang adalah seperti berikut:

- rasa loya
- perut rasa tidak selesa
- cirit birit
- angin
- ruam
- sakit kepala

Kesan sampingan yang tidak diingini biasanya adalah ringan. Jika ia menyebabkan ketidakselesaan atau berpanjangan, rujuk pada doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan sampingan yang lain

- gatal
- sakit
- sawan
- lebih rendah sel darah putih yang membantu mempertahankan terhadap jangkitan dan sel darah yang membantu menghentikan pendarahan
- tahap tinggi kolesterol, lemak atau garam
- kerosakan hati dan kekuningan pada kulit dan mata (Jaundis)
- keguguran rambut
- pening
- perubahan cita rasa
- perubahan kadar denyutan jantung atau rentak

Jika kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda perasan kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini, sila beritahu pada doktor atau farmasi anda

AVEZOL CAPSULE 150MG

Fluconazole (150mg)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Avezol

- Penyimpanan

Jauhkan dari kanak-kanak.

Jangan simpan pada tempat yang melebihi suhu 30°C. Simpan dalam pek asal. Lindungi daripada cahaya matahari dan kelembapan. Jangan guna selepas tarikh luput seperti yang ternyata pada bungkusan.

- Pelupusan

Ubat anda tidak harus dilupuskan melaui sisa air atau sisa isian rumah. Tanya pada farmasi anda cara untuk melupuskan ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul Avezol 150 mg adalah kapsul gelatin keras pirus, saiz 1, yang mengandungi serbuk berwarna putih. Avezol 150 terdapat dalam pek lepuh yang mengandungi satu kapsul.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif

Fluconazole

Bahan Tidak Aktif

Lactose, Maize starch, Colloidal silicon dioxide, Magnesium stearate, Sodium lauryl sulphate

Komposisi Bahan Kapsul

Titanium dioxide, Erythrosine E127, Brilliant Blue FCF-FD&C Blue, Gelatin

Kapsul

Titanium dioxide, Erythrosine E127, Brilliant Blue FCF-FD&C Blue 1, Gelatin

- Nombor MAL:

MAL07082863ACZ

Pengilang

Delorbis Pharmaceuticals Ltd.

17 Athinon Street,
Ergates Industrial Area,
2643 Ergates,
2081 Lefkosia,
Cyprus, European Union.

Pemegang Pendaftaran Produk

Apex Pharmacy Marketing Sdn Bhd
No. 2, Jalan SS13/5,
47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/11/2019

Nombor Siri

NPRA(R2/1)191120/291